



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

### **PETRA SKUAD ZON SARAWAK 2026 ADAKAN TINJAUAN KE PROJEK SOLAR TERAPUNG HIBRID TERBESAR DI MALAYSIA DI EMPANGAN HIDROELEKTRIK BATANG AI**

**SRI AMAN, SARAWAK, 12 APRIL 2026** – Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke Sarawak bagi meninjau pembangunan projek-projek tenaga boleh baharu (TBB), termasuk projek hidroelektrik Batang Ai serta projek solar terapung hibrid di Empangan Batang Ai, Lubok Antu.

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada siri jelajah PETRA Skwad Zon Sarawak 2026 yang berlangsung pada 12 hingga 13 April 2026, dan mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh agenda peralihan tenaga negara secara strategik, mampan dan berimpak tinggi.

Dalam masa yang sama, lawatan ini turut menzahirkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memacu pembangunan sektor tenaga negara, khususnya dalam memperluas penggunaan sumber tenaga bersih dan memperkukuh keselamatan bekalan elektrik jangka panjang.

Sarawak memainkan peranan yang amat signifikan sebagai hab tenaga boleh baharu negara, berasaskan kelebihan sumber semula jadi terutamanya tenaga hidro, serta keupayaan untuk mengadaptasi teknologi tenaga bersih secara berskala besar. Kedudukan ini menjadikan Sarawak sebagai antara pemacu utama dalam menyokong sasaran

negara untuk mencapai 70% kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber TBB menjelang tahun 2050.

Empangan Hidroelektrik Batang Ai yang mula beroperasi sejak tahun 1985 merupakan antara aset tenaga boleh baharu terawal negara dengan kapasiti sedia ada sebanyak 94 Megawatt (MW) serta penjanaan tahunan sekitar 438 Gigawatt-jam (GWj). Loji ini terus memainkan peranan penting dalam membekalkan tenaga elektrik yang stabil, bersih dan terjamin kepada grid Sarawak serta menyokong pembangunan sosioekonomi komuniti setempat.

Sebagai langkah memperkukuh kecekapan dan nilai tambah aset sedia ada, pembangunan projek solar terapung hibrid berkapasiti 50 MW telah dilaksanakan di atas takungan Batang Ai seluas kira-kira 190 hektar. Projek ini merupakan antara projek solar terapung terbesar di Malaysia yang menggabungkan penjanaan hidro dan solar melalui pendekatan hibrid, sekali gus meningkatkan kecekapan penggunaan sumber tenaga boleh baharu.

Gabungan teknologi hidro dan solar ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan serta kestabilan sistem tenaga, malah berfungsi sebagai mekanisme 'firming' bagi sumber tenaga boleh baharu yang bersifat berubah-ubah. Pendekatan ini turut memperkukuh daya tahan sistem tenaga negara dalam menghadapi ketidakpastian pasaran tenaga global serta peningkatan permintaan elektrik, termasuk daripada sektor intensif tenaga seperti pusat data dan industri berteknologi tinggi.

Selain itu, empangan Batang Ai turut dilengkapi dengan sistem operasi digital dan kawalan jauh melalui *Generation Control Centre* (GCC) Sarawak Energy, yang membolehkan pemantauan masa nyata serta meningkatkan kecekapan operasi loji. Inisiatif ini mencerminkan kemajuan dalam pendigitalan sektor tenaga serta pengukuhan daya tahan sistem bekalan elektrik negara.

Lawatan ini juga dilihat sebagai manifestasi keyakinan Kerajaan Persekutuan terhadap keupayaan Sarawak dalam menerajui pembangunan tenaga boleh baharu, di samping membuka peluang kepada peluasan pelaburan, pemindahan teknologi serta pembangunan ekonomi berasaskan tenaga bersih.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, kerajaan akan terus memperkukuh kerangka dasar, peraturan dan kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri serta pihak industri bagi memastikan agenda peralihan tenaga negara dilaksanakan secara tersusun, inklusif dan mampan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai pembangunan rendah karbon dan keselamatan tenaga jangka panjang.

Dalam konteks krisis tenaga global yang semakin mencabar akibat ketidakpastian geopolitik, pendekatan proaktif Malaysia dalam memperkukuh sumber tenaga boleh baharu dan kepelbagaian campuran tenaga ini adalah penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber konvensional, sekali gus meningkatkan daya tahan negara dalam menghadapi sebarang krisis bekalan tenaga pada masa hadapan.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**12 April 2026**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

